

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) sebab warganegara diisytiharkan muflis dan pecahan mereka mengikut jenis pinjaman mereka; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang meminda Akta Kebankrapan supaya ia lebih adil kepada mangsa-mangsa muflis.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebab-sebab utama kebangkrapan di Malaysia ialah pinjaman sewa beli kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan pinjaman perniagaan. Selain daripada itu, antara sebab-sebab lain kebangkrapan ialah hutang kad kredit, pinjaman pelajaran, kegagalan menjelaskan pinjaman sebagai penjamin sosial atau korporat, hutang cukai pendapatan dan hutang caruman pekerja.

2. Statistik terperinci mengikut kategori sebab kebangkrapan daripada tahun 2008 hingga 31 Januari 2015 seperti berikut:

Kategori Kebankrapan	Tahun								Jumlah
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	Januari 2015	
Sewa Beli Kenderaan	3,085	3,678	5,639	5,137	5,242	6,468	6,802	399	36,450
Pinjaman Perumahan	985	1,056	3,230	4,576	5,341	5,396	3,880	155	24,619
Pinjaman Peribadi	1,506	2,806	2,805	3,168	3,251	4,174	4,906	293	22,909
Pinjaman Perniagaan	1,541	1,596	2,048	2,301	2,978	2,800	2,150	140	15,554
Penjamin Sosial	445	786	1,141	1,364	892	995	1,444	75	7,142
Penjamin Korporat	741	556	907	1038	654	567	632	26	5,121
Hutang Kad Kredit	647	570	641	665	888	1,016	1,827	119	6,373

Kategori Kebankrapan	Tahun								Jumlah
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	Januari 2015	
Hutang Cukai Pendapatan	179	93	169	177	127	163	213	16	1,137
Biasiswa/ Pinjaman Pelajaran	54	22	17	27	33	32	15	0	200
Keberhutangan Yang Lain	4,672	5,065	1,522	714	169	376	482	38	13,038
Jumlah	13,855	16,228	18,119	19,167	19,575	21,987	22,351	1,261	132,543

3. Kerajaan sememangnya bercadang untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] supaya ia lebih efektif dan relevan. Cadangan pindaan Akta 360 sedang dimuktamadkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia dengan beberapa cadangan pembaharuan. Walau bagaimanapun, pindaan yang dicadangkan perlu terlebih dahulu dikaji dan diperhalusi dengan teliti supaya tidak memberi tumpuan kepada satu pihak sahaja iaitu individu yang muflis sebaliknya mengambil kira kepentingan semua pihak secara menyeluruh termasuk pihak pemiutang.

Sekian, terima kasih.